

KENYATAAN MEDIA
Putrajaya, 10 Disember 2010

Yayasan Amir lancar 10 sekolah amanah menerusi Kerjasama Awam-Swasta

Yayasan Amir, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) telah memilih 10 buah sekolah kerajaan di Johor dan Sarawak bagi mengikuti Projek Perintis untuk Program Sekolah Amanah. Selari dengan usaha mempertingkatkan pembangunan modal insan untuk melahirkan pemimpin masa depan, Khazanah dan Yayasan Amir akan melaksanakan model percubaan Sekolah Amanah pada tahun akademik 2011 yang memberi tumpuan kepada kesaksamaan sosial di kalangan masyarakat, keupayaan untuk dicontohi oleh lain-lain entiti korporat serta berautonomi.

Nama-nama 10 sekolah terpilih itu telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin pada majlis pelancaran program Sekolah Amanah dan Yayasan Amir di Putrajaya, hari ini.

Program Sekolah Amanah diperkenalkan sebagai menyahut seruan kerajaan untuk melihat lebih banyak program-program pendidikan yang membabitkan Kerjasama Awam-Swasta (“PPP”), dengan matlamat membantu meningkatkan prestasi pelajar dan sekolah di negara ini. Kerjasama itu juga merupakan sebahagian daripada keperluan untuk menyertai Kerangka Kerja Sekolah Amanah yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada 7 Oktober 2010.

10 sekolah yang terpilih itu ialah:

1. SK Bandar Uda 2 (Johor)
2. SJK(T) Kangkar Pulai (Johor)
3. SK Kampong Layau (Johor)
4. SMK Semenchu (Johor)
5. SMK Gelang Patah (Johor)
6. SM Sains Kuching (Sarawak)
7. SMK Bandar Kuching 2 (Sarawak)
8. SK Tabuan (Sarawak)
9. SK Empila (Sarawak)
10. SK Combine (Sarawak)

Pengerusi Yayasan Amir, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata: “Sistem pendidikan yang berkualiti merupakan asas penting bagi pembangunan sesebuah negara serta menjadi tonggak kepada kejayaan serta kemakmurannya. Pelaksanaan Program Sekolah Amanah secara berkesan bukan sahaja menjadikan pendidikan yang berkualiti itu lebih senang diperolehi tetapi turut membolehkan sekolah-sekolah memanfaatkan model penyampaian awam dan swasta yang terbaik untuk membangunkan institusi pendidikan yang mampan dan berkualiti tinggi.”

Menurut Shahnaz Al-Sadat, Pengarah Eksekutif Pengurusan Modal Insan Strategik, Khazanah: “Yayasan Amir dan projek perintis Sekolah Amanah mencerminkan komitmen Khazanah untuk menyokong usaha kerajaan untuk mentransformasi sistem pendidikan. Kami akan bekerjasama dengan para pengetua, guru-guru, pelajar, ibu-bapa dan masyarakat setempat, bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.”

Pemilihan sekolah-sekolah ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti lokasi, tahap dan jenis sekolah. Proses pemilihan sekolah oleh Khazanah dan Yayasan Amir ini juga mengambil kira beberapa faktor tambahan seperti sekolah yang mempunyai potensi transformasi paling baik, kombinasi kawasan bandar dan luar bandar, kombinasi sekolah berprestasi rendah dan tinggi dan juga kesaksamaan sosial.

Kriteria-kriteria ini merupakan elemen penting untuk menjayakan pencapaian misi Sekolah Amanah yang ingin mencipta rangkaian bersepadu dan sekolah berkualiti tinggi yang berterusan.

Konsep Sekolah Amanah adalah menjangkau program Tanggungjawab Sosial Korporat (“CSR”) memandangkan ia mencerminkan komitmen sektor swasta dalam membentuk pembangunan modal insan berkualiti untuk masa depan negara yang mempunyai masyarakat pelbagai bangsa.

Bagaimanapun, pengenalan program ini tidak bertujuan untuk meminggirkan sistem pendidikan kebangsaan tetapi lebih kepada melengkapkan dan bergerak seiringan dengannya. Ia juga akan meningkatkan aktiviti kokurikulum yang mampu menjadi penggerak awal kepada usaha melahirkan pelajar dan pentadbir sekolah yang cemerlang.

Yayasan Amir telah diberi mandat untuk menggerakkan Program Sekolah Amanah untuk tempoh 5 tahun, yang mana kemudiannya akan dilakukan kajian semula sebelum dilanjutkan kepada satu tempoh tertentu. Tujuan utama pengenalan program itu adalah untuk membuka peluang kepada pendidikan berkualiti melalui kerjasama swasta-awam di negara ini. Ia juga bermatlamat melakukan transformasi terhadap sekolah kerajaan secara berterusan, melahirkan pelajar yang lebih baik dan seterusnya memberi kesedaran terhadap usaha peningkatan standard dan penyampaian dalam bidang pendidikan.

Sementara Khazanah dan Yayasan Amir memainkan peranan penting dalam pelaksanaan projek perintis ini, Kementerian Pelajaran akan bertindak sebagai pengawalselia kepada pelaksanaan kerangka kerja, menerima dan menilai permohonan tajaan, memantau hasil Perjanjian Pengurusan dan Operasi Sektor Awam Swasta (“PPSOMA”) dan melakukan penyelarasan di peringkat pejabat pendidikan daerah dan negeri.

Sebuah Sekolah Amanah akan diuruskan secara bersama antara pihak penaja/rakan swasta bertaualiah dengan pengetua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran bagi meningkatkan kemampuan pengurusan sekolah dan seterusnya meningkatkan prestasi pelajar. Para pengetua akan terus menjalankan tugasannya

seperti biasa, manakala pihak penaja/rakan swasta akan membantu dengan membekalkan kepakaran pengurusan, operasi dan pendidikan, termasuk juga tambahan dana jika diperlukan.

Kementerian Pelajaran akan memberikan kebebasan kepada Sekolah Amanah dari segi membuat keputusan untuk kepentingan sekolah itu dan sebagai pulangan, ia perlu membuktikan peningkatan dalam pencapaian pelajar.

Ukuran kejayaan untuk Sekolah Amanah juga bergantung kepada titik permulaan (garisan asas) bagi setiap sekolah. Ia melibatkan prestasi sekolah dan pencapaian akademik pelajar serta peningkatan yang dicapai melalui kajian kepuasan di kalangan ibu bapa, guru-guru dan pelajar. Elemen bukan akademik seperti kadar kedatangan dan peningkatan tahap disiplin juga diambil kira dalam pengukuran kejayaan.

Khazanah mengambil bahagian dalam pembangunan Sekolah Amanah dengan matlamat untuk membuktikan kerjasama erat antara sekolah swasta dan kerajaan di negara ini. Melalui Yayasan Amir yang merupakan agensi bukan berasaskan keuntungan, ia akan memperkenalkan konsep pelaksanaan, pengurusan dan pengawasan Program Sekolah Amanah yang boleh dikongsi bersama lain-lain entiti korporat dan masyarakat umum di masa depan.

Tamat

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Mohd. Asuki Abas di talian +603-2034-0000 atau e-mel: asuki.abas@khaazanah.com.my

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah merupakan agensi pelaburan Kerajaan Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk memiliki dan mengurus aset-aset komersial kerajaan dan melakukan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, perbankan, pembuatan automotif, pengurusan lapangan terbang, prasarana, pembangunan hartanah, penyiaran, semikonduktor, elektronik, syarikat pelaburan, teknologi dan modal teroka. Antara syarikat-syarikat yang tersenarai dalam portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, CIMB Group, Proton Holdings Berhad, PLUS Expressways Berhad, Malaysia Airlines System Berhad, Malaysia Airport Berhad, UEM Land Holdings Berhad dan Axiata Group Berhad.